



**INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)**

www.gaexcellence.com/ijlgc



**KECENDERUNGAN PENGUNDI INDIA DALAM PILIHAN
RAYA UMUM DI MALAYSIA: ANALISIS PRESTASI
MALAYSIAN INDIAN CONGRESS (MIC)
PASCA PRU KE-12**

*INDIAN VOTER TENDENCIES IN THE MALAYSIAN GENERAL
ELECTION: ANALYSIS OF THE MALAYSIAN INDIAN CONGRESS (MIC)
PERFORMANCE AFTER THE 12TH GE*

M. Periasamy¹, Mohammad Tawfik Yaakub², Junaidi Awang Besar^{3*}

¹Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam & Pengajian Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

 datukperry@yahoo.com

 <https://orcid.org/0009-0001-0775-0563>

²Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam & Pengajian Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur.

 tawfik@um.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-5735-7938>

³Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

 jab@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-1521-6827>

Article Info:

Article history:

Received date: 11.01.2026

Revised date: 27.01.2026

Accepted date: 12.02.2026

Published date: 12.03.2026

Abstrak:

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tematik yang bertujuan mengenal pasti faktor-faktor penentu yang membentuk pilihan mengundi dalam kalangan pengundi India di Malaysia dalam tempoh pasca Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12). Kajian ini dilaksanakan bagi memahami perubahan corak tingkah laku politik pengundi India susulan peralihan landskap politik nasional selepas PRU-12. Data kajian diperoleh

To cite this document:

Periasamy, M., Yaakub, M. T., & Awang Besar, J. (2026). Kecenderungan Pengundi India Dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia: Analisis Prestasi Malaysian Indian Congress (Mic) Pasca Pru Ke-12. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(43), 224-243.

melalui temu bual kualitatif separa berstruktur bersama 30 orang informan yang mewakili komuniti India. Semua temu bual telah ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan perisian NVivo bagi mengenalpasti tema-tema utama yang muncul daripada set data. Pendekatan analisis kajian ini berpandukan model tingkah laku pengundian klasik, iaitu model sosiologi, identifikasi parti dan pilihan rasional. Namun demikian, kajian ini melangkaui kerangka teori konvensional dengan meneliti peranan emosi dalam mempengaruhi proses pembuatan keputusan mengundi. Pengintegrasian dimensi emosi ke dalam analisis membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap dinamik tingkah laku politik pengundi India di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan berlakunya peralihan yang ketara daripada kesetiaan berasaskan faktor sosiologi dan kepartian kepada motivasi yang lebih rasional serta dipengaruhi oleh emosi. Emosi afektif seperti kemarahan, kekecewaan, rasa tidak puas hati dan aspirasi terhadap maruah, muncul sebagai penentu utama dalam pembentukan pilihan pengundian, sekali gus mencerminkan perubahan landskap politik dan kesedaran politik yang semakin matang dalam kalangan pengundi India pasca PRU-12.

DOI: 10.35631/IJLGC.1143015

Kata Kunci:

Pengenalpastian Parti, Pilihan Rasional, Politik Emosi, Sosiologi, Tingkah Laku Pengundian

Abstract:

This study adopts a thematic qualitative approach to identify the key determinants shaping voting choices among Indian voters in Malaysia in the post-12th General Election (GE-12) period. The study is motivated by the need to understand the evolving political behaviour of the Indian community following significant electoral realignment after G-12. Research data were collected through semi-structured qualitative interviews with 30 informants representing diverse segments of the Indian community. All interviews were audio-recorded, transcribed verbatim and systematically analyzed using NVivo software to identify dominant themes emerging from the data set. The analytical framework of the study is grounded in classical models of voting behaviour, namely the sociological model, party identification and rational choice theory. These models provide the foundational lens for examining structural, partisan, and instrumental considerations influencing voting decisions. However, the study extends beyond conventional theoretical framework by explicitly examining the role of emotions in influencing the voting decisions-making process. The integration of emotional dimensions into the analysis allows for a more nuanced and comprehensive understanding of the dynamics underpinning political behaviour among Indian voters in Malaysia. The findings reveal a significant shift away from traditional sociological and party-based loyalties towards voting motivations that are increasingly rational and emotionally driven. Affective emotions such as anger, frustrations, dissatisfaction, and aspirations for dignity emerge as key determinants in shaping voting preferences. This shift reflect broader changes in the political landscape and indicates a growing level of political awareness, and maturity among Indian voters in Malaysia in the post-GE12 period.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcellence.com

Keyword:

Party Identification, Rational Choice, Emotional Politics, Sociology, Voting Behavior

Pengenalan

Kajian ini bertujuan meneliti corak pengundian dalam kalangan pengundi India di Malaysia merentas beberapa siri pilihan raya umum. Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dalam kerangka raja berperlembagaan iaitu hak demokratik rakyat dilaksanakan melalui pilihan raya umum yang diadakan secara berkala bagi memilih wakil ke Parlimen, seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 44, 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ranney, 1993; Faruqi, 2008).

Sehingga April 2024, pengundi India merangkumi kira-kira 7.2 peratus daripada keseluruhan 21,619,564 pengundi berdaftar di Malaysia (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2024). Walaupun saiz demografi ini lebih kecil berbanding pengundi Melayu dan Cina, tingkah laku pengundian masyarakat India memainkan peranan strategik dalam sistem pilihan raya *First-Past-the-Post (FPTP)*, khususnya di kerusi-kerusi marginal iaitu perubahan kecil dalam sokongan pengundi berupaya menentukan keputusan pilihan raya.

Undi masyarakat India sering kali menjadi faktor penentu di banyak kawasan Parlimen, khususnya dalam konteks ketidakseimbangan agihan kawasan pilihan raya dan fenomena *malapportionment*. Walaupun mereka bukan kumpulan majoriti di kebanyakan kawasan, pengundi India berpotensi mempengaruhi keputusan di hampir 65 kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia (Ramasamy, 2004; Zanariah, 2023).


Oleh itu, komuniti ini kerap muncul sebagai ‘pengundi penentu’ dalam analisis pasca pilihan raya. Namun demikian, penyusutan peratusan penduduk India dalam populasi nasional dijangka akan mengurangkan pengaruh ini secara beransur-ansur.

Penyataan Masalah

Sejak pilihan raya umum pertama pada tahun 1959 sehingga Pilihan Raya Umum ke-11 (PRU-11), gabungan Perikatan yang kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional (BN) telah mendominasi Parlimen Malaysia. Malaysian Indian Congress (MIC), sebagai parti politik utama yang mewakili masyarakat India, menyertai Perikatan pada tahun 1954 dan terus menjadi komponen BN sejak penubuhannya pada tahun 1973. Di bawah naungan BN, MIC mencatat prestasi yang cemerlang dengan kadar kemenangan yang hampir menyeluruh antara PRU ke-6 hingga PRU ke-11.

Namun demikian, prestasi pilihan raya MIC menunjukkan kemerosotan yang ketara bermula sejak Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) dan berterusan sehingga Pilihan Raya Umum ke 15 (PRU-15) pada tahun 2022 (Ramasamy, 2002; Gomez, 2018) (Lihat Rajah 1). Trend ini menimbulkan persoalan serius terhadap kerelevanan dan keberkesanan MIC dalam memperjuangkan kepentingan politik, sosioekonomi dan kebudayaan masyarakat India dalam struktur kerajaan persekutuan. Sekiranya kemerosotan ini berterusan, MIC berisiko kehilangan

peranan yang signifikan dalam kabinet persekutuan yang beroperasi berasaskan sistem konsosiasional, sekali gus melemahkan keupayaannya sebagai wakil sah masyarakat India. Fenomena kemerosotan prestasi MIC dalam pilihan raya sejak PRU12 secara berterusan menimbulkan persoalan mengenai legitimasi MIC sebagai parti politik utama yang mewakili kaum India di Malaysia.



Rajah 1: Jumlah Kerusi Parlimen yang Dimenangi MIC dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia

Sorotan Kajian Lepas

Pelbagai kajian telah meneliti trend pengundian dan pilihan pengundi di Malaysia. Kajian terdahulu menunjukkan model sosiologi dan identifikasi parti mendominasi pengaruh terhadap pengundi dari pilihan raya pertama hingga kedua belas. Bagaimanapun, kajian terkini menekankan peningkatan peranan teori pilihan rasional, selain faktor emosi yang turut mempengaruhi keputusan pengundi (Awang Besar, 2013, 2017, 2020, 2023; Yusoff, 2019; Pakiam, 2018; Wan Azizi, 2020; Nur Ashyikin, 2018; Husairi, 2014). Namun demikian, kajian mutakhir terhadap corak pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) menunjukkan bahawa faktor etnik masih berperanan sebagai faktor dominan dalam membentuk tingkah laku pengundi di Malaysia (Marzuki et al., 2023).

Walaupun komuniti India di Malaysia telah banyak dikaji dari perspektif sejarah, migrasi dan sosio-ekonomi, kajian mengenai tingkah laku politik mereka masih terhad, terutama berkaitan pilihan pengundian dalam pilihan raya umum (Sandhu, 1969; Arasaratnam, 1979; Pakiam, 2018; Pandian, 2012; Ramasamy, 2001 & 2004; Muthusally, 2014). Kebanyakan kajian terdahulu menggunakan analisis agregat berdasarkan model regresi dan bergantung pada keputusan pilihan raya, bukannya meneliti pengundi secara individu termasuk sikap, persepsi, dan faktor luaran yang mempengaruhi keputusan mereka (Fossati, 2019; Sivamurugan, 2014; Welch, 2015).

Kajian berkaitan penglibatan politik orang India merangkumi beberapa bidang utama:

- i. Perspektif sejarah – Menelusuri akar sejarah dan kedudukan struktur politik orang India, serta kesan marginalisasi sosio-ekonomi di bawah penjajahan British (Rajeswary, 1981; P. Ramasamy, 2001, 2004; Mohamed Osman, 2007).
- ii. Politik berasaskan etnik dan perwakilan – Menyorot peminggiran politik orang India dan peranan parti seperti MIC dalam gabungan Barisan Nasional (Nagarajan, 2008; Abdul Rashid Moten, 2009; Sivamurugan, 2010; Lim & Mun, 2009).
- iii. Tingkah laku pengundian dan trend pilihan raya – Mengkaji perubahan kesetiaan politik, pengundian protes, dan sokongan pengundi India terhadap gabungan pembangkang berbilang etnik (Singh, 2013; Visnu, 2013; Lau Zhe Wei, 2018; Aiman, 2019; Jain, 2018).
- iv. Belia dan masyarakat sivil – Menunjukkan penglibatan belia dan organisasi komuniti India dalam proses politik di luar struktur parti formal (Leela et al., 2018; Serina Rahman, 2018).
- v. Kajian peringkat kerusi negeri – Memberi pemahaman tentang dinamik tempatan yang mempengaruhi keputusan politik nasional (Junaidi Awang Besar, 2014, 2017; Welsh, 2013; Gomez, 2014).
- vi. Analisis berbilang budaya – Menekankan kerjasama politik antara etnik dan keterbatasan dasar berasaskan kaum (Moniruzzaman & Farzana, 2018).


Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan evolusi tingkah laku politik orang India dan perubahan kesedaran politik komuniti ini. Namun, kerana kekurangan fokus terhadap pilihan pengundian mereka dalam pilihan raya umum, terdapat keperluan untuk kajian komprehensif mengenai corak pengundian dan faktor yang mempengaruhi pilihan politik pengundi India di Malaysia (Welsh, 2015, 2022, 2023; Pandian & Sivamurugan, 2010, 2012; Awang Besar, 2014, 2017; Yusoff, 2019; Jain, 2018; Pakiam, 2010, 2018; Muthusally, 2014).

Kerangka Konseptual

Kajian tingkah laku pengundian secara tradisinya dipandu oleh tiga model tingkah laku klasik iaitu model Columbia, Model Michigan dan Model Ekonomi. Model Columbia menekankan pendekatan sosiologi yang melihat pilihan pengundian dipengaruhi oleh struktur sosial seperti kelas, agama dan etnik (Lazerfeld, Barelson & Gaudet, 1944). Model Michigan pula menekankan kepentingan pengenaltian parti dan keterikatan psikologi jangka panjang terhadap parti politik (Campbell, Converse, Miller & Stoke, 1960). Sebaliknya, model Ekonomi menganjurkan teori Pilihan Rasional yang melihat pengundi sebagai aktor rasional yang membuat keputusan berdasarkan pertimbangan kos dan manfaat (Downs, 1957)

Bagaimanapun, kajian-kajian mutakhir menunjukkan bahawa emosi merupakan faktor penting dalam mempengaruhi tingkah laku pengundian. Emosi seperti kemarahan, kebimbangan dan harapan terbukti mempengaruhi penilaian politik dan pilihan pengundi (Lihat Rajah 2). Oleh itu, kajian ini menggabungkan dimensi emosi bersama faktor sosiologi, pengenaltian parti dan pilihan rasional bagi memahami dengan lebih komprehensif tingkah laku pengundian pengundi India di Malaysia.

Gambar Rajah: Kerangka Konseptual



Rajah 2: Kerangka Konseptual Tingkah Laku Pengundian

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif, dengan temu bual sebagai kaedah utama pengumpulan data (Othman Lebar, 2006). Seramai 30 informan ditemu bual menggunakan soalan semi-struktur, terdiri daripada pengundi berdaftar yang mewakili pelbagai segmen komuniti India di Malaysia. Teknik persampelan bertujuan (*purposive*) dan bola salji (*snowball*) digunakan untuk memastikan informan mencerminkan pemboleh ubah demografi utama termasuk umur, pendapatan, tahap pendidikan, lokasi geografi, kelas sosial, status sosioekonomi, afiliasi politik, serta kediaman bandar atau luar bandar. Soalan temu bual semi-struktur disahkan oleh tiga ahli akademik dalam bidang sains politik untuk memastikan kesahan kandungan dan relevansi.


Data dikumpul oleh penyelidik antara Mei hingga Jun 2025. Sebelum setiap temu bual, informan diberi taklimat mengenai objektif kajian, etika dan protokol temu bual, serta dijamin kerahsiaan. Setiap sesi berlangsung antara 20 hingga 45 minit, dijalankan dalam bahasa Tamil, Melayu, atau Inggeris mengikut pilihan informan. Semua temu bual dirakam audio dengan persetujuan informan, ditranskripsikan secara verbatim, dan dianalisis menggunakan analisis tematik sistematik. Pengekodenan dan interpretasi data mengikuti enam fasa Braun & Clarke (2006) bagi mengenal pasti tema utama berkaitan tingkah laku pengundian, pilihan pengundian, dan pengaruh sosio-politik luaran (Braun & Clarke, 2021; Boyatzis, 1998; Joffe, 2012).

Pendekatan induktif dan deduktif digunakan dalam interpretasi dan analisis data. Pendekatan induktif digunakan untuk mengenal pasti tema dan corak yang muncul daripada data, manakala pendekatan deduktif digunakan untuk mengesahkan dapatan tersebut dengan teori sedia ada dan literatur berkaitan (Creswell, 2013).

Dapatan Kajian

Analisis transkrip temu bual dengan 30 informan menggunakan NVivo mendedahkan enam tema utama berkaitan tingkah laku pengundian pengundi India di Malaysia selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (GE12) seperti terbayang dalam Rajah 3.

Coded Node Chart: Themes and Sub-Themes of Indian Voter Behavior Post-GE12



Rajah 3: Tema Utama dan Sub-Tema Pasca Tingkah Laku Pengundi India Pasca PRU-12

Tanda Penunjuk: Tema Utama

- i. Kemerosotan keyakinan terhadap MIC
- ii. Pergerakan Hindraf dan Mobilisasi Politik
- iii. Tingkah Laku Mengundi Bukan Bersandarkan Kaum
- iv. Perpecahan Representasi Politik India dan Mariginalisasi
- v. Tuntutan Pembaharuan Untuk Memperkasa MIC
- vi. MIC Masih Relevan

Rajah 3 juga memperlihatkan enam tema utama yang muncul daripada analisis transkrip temu bual, beserta 25 sub-tema masing-masing dibawah tema utama. Rajah 1 juga menunjukkan struktur konseptual tingkah laku pengundi India pasca GE12 dan membantu memvisualisasikan hubungan antara tema utama dan sub-tema yang berkaitan.

Enam Tema utama adalah seperti berikut.

- i. Kemerosotan Keyakinan Terhadap MIC.
- ii. Pergerakan Hindraf dan Mobilisasi Politik.
- iii. Tingkah Laku Mengundi Bukan Bersandarkan Kaum.
- iv. Tuntutan Pembaharuan Untuk Memperkasa MIC.
- v. Perpechahan Dalam Representasi Politik India dan Marginalisasi.
- vi. MIC Masih Relevan.

Penghuraian Enam Tema Utama

Tema Pertama, kemerosotan keyakinan terhadap MIC merupakan tema dominan meliputi ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan parti, dakwaan rasuah dan hubungan yang semakin longgar dengan masyarakat akar umbi, pertubuhan sivil. Parti MIC dilihat sebagai parti elitis dan tidak relevan dengan generasi muda. Skandal lama Maika Holdings masih dibayangi dan mencalar integriti parti. Keseluruhannya MIC dilihat gagal mempertahankan kredibiliti politiknya.

Tema Kedua, tema yang menunjukkan kemunculan Hindraf sebagai titik tolak penting dalam perubahan tingkah laku politik pengundi India. Gerakan Hindraf berjaya menggerakkan dan mencetuskan kesedaran politik kolektif, membangkitkan emosi serta solidariti dalam kalangan pengundi India untuk bersatu dan melakukan undi protes, bukan kerana menyokong pembangkang tetapi sebagai tanda penolakan terhadap kerajaan BN sekaligus MIC. Kegiatan Hindraf membangkitkan dan *amplifying* the emotions yang mencetuskan perasaan *betrayal*, *disappointment*, *marginalization* dan *anger* dalam kalangan pengundi India yang mempengaruhi pilihan mengundi mereka. Namun, Gerakan ini gagal menunaikan janji politik, mengakibatkan timbulnya kekecewaan baharu dalam kalangan penyokong Hindraf.

Tema Ketiga, tema ini yang menunjukkan pola peralihan dalam pilihan mengundi daripada mengundi bersandarkan etnik atau kaum kepada mengundi bersandarkan isu semasa serta dasar. Tema ini jelas menunjukkan ramai pengundi India tidak lagi terikat dengan kesetiaan etnik terhadap MIC, sebaliknya mengundi parti atau calon yang mampu menawarkan dasar bermanfaat dan peluang meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi kaum India. Sikap pragmatik ini mendorong mereka membuat pilihan strategik, termasuk menyokong parti berbilang kaum yang dianggap lebih adil serta lebih sesuai dengan aspirasi masa depan masyarakat Malaysia yang majmuk.

Tema Keempat, tema ini menunjukkan generasi muda India muncul sebagai aktor politik penting dalam landskap politik semasa Malaysia. Mereka lebih vokal dalam menuntut perubahan, menolak gaya politik lama, dan menekankan transformasi meliputi ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran parti dan kerajaan. Kekecewaan terhadap kepimpinan sedia ada yang dianggap ketinggalan zaman menimbulkan aspirasi kepada kepimpinan yang progresif dan inklusif. Tema ini menunjukkan *survival* MIC bergantung kepada kesediaan mengadaptasikan aspirasi generasi muda.

Tema Kelima, tema ini memaparkan pecahan dalam perwakilan politik kesan wujudnya pelbagai parti politik kecil bagi mewakili komuniti India. Ini melemahkan kekuatan politik kaum India. Fenomena kemunculan banyak parti menyebabkan tiadanya agenda bersama, melemahkan suara politik dan akhirnya membawa kepada marginalisasi dalam pilihan raya. Meskipun terdapat kesedaran tentang kelemahan ini, para informan menzahirkan aspirasi agar

parti-parti India bergabung dalam Pakatan yang lebih besar bagi meningkatkan kuasa tawar-menawar dan pengaruh politik kaum India.

Tema Keenam, tema memaparkan kerelevanan parti MIC sebagai parti unggul mewakili kepentingan kaum India di Malaysia. Meskipun berdepan dengan cabaran, terdapat pandangan bahawa MIC masih mempunyai relevansi, khususnya dalam kalangan generasi lama. Hampir semua informan mengiktiraf parti ini atas sejarah perjuangan dan jasa awalnya, serta sumbangan yang masih dihulurkan kepada segelintir komuniti India yang memerlukan bantuan. MIC dalam konteks kerangka politik gabungan dilihat sebagai sumber kuasa politik yang berterusan. Meskipun peranan dalam kerajaan semakin merosot tetapi masih memberi ruang kepada parti untuk mewakili kepentingan kaum India dalam politik semasa.

Ringkasnya, enam tema tersebut menonjolkan satu gambaran dinamik tentang perubahan tingkah laku politik pengundi India di Malaysia. Meskipun dari satu sisi, timbul pemikiran dalam kalangan pengundi India untuk menolak MIC kerana kegagalan kepimpinan, perpecahan politik kesan pergerakan Hindraf, dari sisi lain, wujud aspirasi baharu untuk memperkasakan MIC sebagai parti yang unggul dalam mempertahankan hak-hak kaum India dalam dinamika politik polarisasi yang kian berkembang dalam landskap politik Malaysia.

25 Tema Kecil


Dua Puluh Lima Tema-Kecil yang timbul dalam analisa tematik set data diskripsi adalah seperti berikut.

(1) Isu Ekonomi & Pendidikan, (2) Isu Maruah & Perkauman, (3) Kepentingan Keterlibatan (Engagement) dan Turun Padang, (4) Kepentingan Pendidikan, (5) Keperluan Gabungan Antara Parti-Parti Kaum India, (6) Kerelevanan Parti MIC, (7) Kesetiaan Terhadap Parti MIC, (8) Kestabilan Dan Rekod Prestasi Parti, (9) Komunikasi & Kegagalan Saluran Maklumat Kredibiliti, (10) Krisis Kepimpinan MIC, (11) MIC Masih Relevan, (12) NGO Sebagai Alternatif, (13) Pengaruh Calon (14) Pengaruh Media Sosial, (15) Pengundi Semakin Celik Politik, (16) Pengundi Tradisional, (17) Peranan Ekonomi dan Sosial Dalam Pilihan Raya, (18) Perasaan Marah Terhadap BN dan MIC, (19) Perubahan Pola Pengundian Pasca 2008, (20) Politik Protes dan Penolakan MIC, (21) Relevansi MIC Sebagai Parti Kaum India, (22) Representasi Kaum dan Marginalisasi, (23) Skandal Kewangan, (24) Perpaduan Politik India dan (25) Peralihan Sokongan/Undi.

Penghuraian 25 Tema Kecil


Analisis tematik menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi India di Malaysia dipengaruhi oleh gabungan faktor ekonomi, pendidikan, sosial, politik, dan emosional yang kompleks. Kesedaran politik mereka dibentuk oleh isu ekonomi dan pendidikan, identiti kaum, maruah, serta rekod prestasi dan kestabilan parti, sementara keterlibatan pimpinan, kredibiliti calon, dan keberkesanan komunikasi menjadi penentu sokongan. Krisis kepimpinan, kegagalan saluran maklumat, dan kontroversi kewangan menimbulkan keraguan terhadap parti, manakala NGO dan media sosial muncul sebagai alternatif penglibatan politik. Dinamika politik komuniti turut dipengaruhi oleh aspirasi perpaduan antara parti-parti kaum India, relevansi MIC sebagai wakil rasmi, politik protes, dan peralihan sokongan yang mencerminkan keinginan pengundi untuk menilai parti berdasarkan prestasi, integriti, dan aspirasi masa depan. Secara keseluruhan, pengundi India dari GE12 hingga GE15 menunjukkan pola pengundian yang dinamik dan kritikal, di mana keputusan mereka bukan sahaja dipandu oleh faktor rasional, tetapi juga oleh

dimensi emosional, identiti komuniti, dan harapan terhadap masa depan politik, menjadikan mereka aktor politik yang aktif dan reflektif dalam landskap pilihan raya Malaysia (Lihat Rajah 4).



Rajah 4: Frekuensi Tema Utama Yang Dikenalpasti Oleh Nvivo

Secara umumnya hasil temubual menjelaskan atau buka mata tentang perubahan pola pemikiran serta kesedaran politik yang sedang berlaku dalam kalangan pengundi India pasca PRU12. Hasil temubual juga mengenalpasti tujuh hingga sepuluh persoalan utama yang boleh menjadi teras kepada perbincangan tentang tingkah laku politik pengundi India pasca PRU12 yang meliputi isu kerosotan sokongan terhadap parti MIC, alihan sokongan pengundi India, pengaruh elemen etnik dalam proses pengundian, kekuatan Hindraf dalam menggerakkan pengundi India dan harapan terhadap perwakilan politik kaum India pada masa depan (Lihat Rajah 5).



Rajah 5: Frekuensi Ekpresi Ciri Ciri Afektif Dalam Temu Bual Informan

Rajah 5 ini menampilkan kekerapan ekspresi emosi dan ciri-ciri afektif seperti kemarahan, kekecewaan, rasa terpinggir, dan aspirasi maruah yang dicatatkan dalam transkrip temu bual. Taburan frekuensi menunjukkan bahawa emosi menjadi faktor signifikan dalam mempengaruhi keputusan pengundian pengundi India di Malaysia.

Rajah 5 menekankan pengulangan sebutan emosi oleh informan, menunjukkan keterkaitan langsung antara pengalaman peribadi dan sentimen politik. Ekspresi emosi yang konsisten, termasuk kekecewaan terhadap ketidakadilan sosial, kemarahan terhadap kerajaan, dan aspirasi untuk maruah yang mencerminkan peranan emosi sebagai pemangkin mobilisasi politik dan perubahan corak pengundian pasca PRU-12.

Perbincangan

Kajian ini jelas menunjukkan berlaku transformasi yang ketara dalam kecenderungan politik pengundi India pasca PRU-12. Walaupun faktor etnik masih relevan dalam corak pengundian di Malaysia (Marzuki et al., 2023), pengundi India didapati alih pilihan mengundi mereka daripada pendekatan identifikasi parti kepada pertimbangan isu semasa, prestasi parti, kewibawaan calon, pengalaman terdahulu, dan aspirasi yang dipacu oleh emosi, sejajar dengan dapatan Vie, Verba, dan Petrocik (1976). Peralihan ini menandakan kecenderungan penglibatan politik yang lebih kritikal dan berasaskan pertimbangan bukan etnik, khususnya selepas PRU-12. Fenomena ini menandakan peralihan daripada kesetiaan tradisional kepada pertimbangan politik yang lebih kritikal berasaskan bukan etnik, khususnya selepas PRU-12. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian terbaru oleh Sharmin Kutty Sivaraman (2023) yang menunjukkan pengundi India menunjukkan kecenderungan terhadap bukan parti tradisional tetapi parti alternatif.

Kajian ini juga membuktikan andaian-andaian serta kajian-kajian sebelumnya bahawa terdapat fenomena kemerosotan kesetiaan kepada parti berasaskan etnik seperti MIC dalam kalangan pengundi India, sebagaimana ditunjukkan dalam kajian pola pengundian di Selangor yang mendapati hanya 57% pengundi India menyokong BN termasuk MIC pada PRU-13 (Awang Besar et al., 2023), dan kajian yang menunjukkan berlakunya ketidakpuasan hati terhadap MIC pada PRU-12 dan selepas PRU-13 (Sattheeswaran, 2016). Dapatan empirikal kajian menunjukkan keselarasan yang jelas dengan hasil kajian akademik serta literatur sedia ada, sekali gus mengukuhkan lagi hujah-hujah teori politik yang dikemukakan oleh Key (1955) dan Easton (1965).

Walaupun beberapa sarjana seperti Chin (2018), Gomez dan Saravanamuttu (2013), Maznah (2012), dan Welsh (2019) menegaskan bahawa MIC menghadapi risiko kehilangan kerelevanan dalam politik nasional Malaysia, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar komuniti India masih menganggap MIC relevan dalam membela kepentingan mereka, walaupun sokongan keseluruhan menunjukkan sedikit penurunan. Relevansi MIC bagaimanapun bersifat bersyarat iaitu parti perlu melaksanakan pembaharuan substantif dalam pendekatan politik, termasuk perubahan struktural dan budaya politik, pengukuhan kepimpinan, pengukuhan hubungan dengan akar umbi, serta peningkatan respons terhadap isu sosioekonomi serta advokasi politik. Pembaharuan ini dilihat sebagai prasyarat untuk memulihkan kredibiliti, mengembalikan kepercayaan pengundi, dan mengekalkan relevan MIC dalam landskap politik Malaysia yang kompetitif. Dapatan ini menunjukkan perbezaan daripada pandangan literatur terdahulu.

Selain itu, Hindraf dikesan memainkan berperanan sebagai pemangkin emosi, dalam membangkitkan kekecewaan dan kemarahan dalam kaum India yang lama mengalami diskriminasi dan marginalisasi kerajaan kepimpinan BN. Hindraf membangkitkan kesedaran politik dalam kalangan kaum India, terutamanya golongan muda untuk memainkan peranan aktif dalam politik. Strategi pengundian pengundi India menunjukkan kesedaran politik yang matang, beralih daripada parti berasaskan etnik kepada parti berbilang kaum. Media digital yang digunakan oleh Hindraf untuk menyampaikan seruan dalam membangkitkan kesedaran politik dalam kalangan pengundi India, terutamanya pengundi muda telah membantu membentuk persepsi dan pilihan pengundi. Dapatan ini sejajar dengan pendapat dan kajian mengenai peranan media sosial sebagai komunikasi politik oleh Samsudin (2020) dan Lau et.al., (2020). Pergerakan Hindraf itu bukan sahaja memberi dampak besar kepada pemikiran dan tingkah laku politik kaum India pada PRU-12 tetapi pasca PRU-12.


Salah satu dampak utama pergerakan Hindraf ialah kebangkitan emosi politik dalam kalangan pengundi India. Emosi, termasuk kemarahan, kekecewaan, rasa pengkhianatan, dan harapan menjadi faktor penting yang mendorong pengundi India meninggalkan kesetiaan tradisional kepada MIC dan beralih menyokong parti-parti politik alternatif. Dapatan ini selaras dengan hujah-hujah Fiorina (1981), Marcus (2000), Popkin (1991), Novaco (2000), dan Parker (2010) mengenai peranan kritikal emosi dalam menentukan pilihan mengundi. Fenomena ini juga sejajar dengan Teori Emosi James-Lange, yang menekankan bahawa pengalaman emosi daripada rangsangan fisiologi dan persekitaran mempengaruhi keputusan manusia, termasuk tingkah laku politik (James, 1884; Lange, 1992). Emosi menjadi teras, memediasi identiti, komuniti, dan pertimbangan rasional. Kesetiaan terhadap MIC semakin berkurang akibat mobilisasi emosi Hindraf dan peralihan generasi, sementara faktor rasional mendorong pengundi menuntut reformasi, kepimpinan belia, dan tadbir urus progresif.

Dalam pada itu, walaupun beberapa kajian mutakhir di Malaysia menunjukkan bahawa faktor etnik kekal dominan dalam corak pengundian di Malaysia, khususnya dalam PRU-15 (Mohamad & Suffian, 2023; Marzuki et.al., 2023), kajian ini mendapati bahawa pengaruh tersebut tidak homogen merentas semua kumpulan etnik.

Dalam konteks pengundi India, kecenderungan pengundian semakin dipengaruhi oleh faktor bukan etnik. Sebaliknya, pengalaman terdahulu, prestasi parti, kewibaaan calon dan harapan yang dipacu oleh emosi lebih dominan berbanding pertimbangan etnik semata-mata, dalam membentuk keputusan pengundian pengundi kaum India pasca PRU-12.

Secara umumnya, kecenderungan politik dan pilihan mengundi pengundi India pasca PRU-12 bersifat tidak menentu (*volatility*), tidak statik, dan mudah dipengaruhi oleh isu-isu semasa, khususnya rungutan terhadap permasalahan sosioekonomi (Green Palmquist, 1990). Selaras dengan kerangka konseptual berlapis kajian ini, tingkah laku pengundian pengundi India pasca PRU-12 terbentuk melalui interaksi dinamik antara faktor emosi, sosiologi, identifikasi parti dan pilihan rasional. Dapatan kajian menegaskan bahawa emosi berperanan sebagai lapisan teras yang memediasi faktor-faktor lain, sekaligus memacu perubahan orientasi politik dan peralihan kesetiaan parti. Dari sudut sumbangan teori, kajian ini mencabar pendekatan identifikasi parti dan pilihan rasional yang dominan, dengan menonjolkan bahawa dimensi emosi merupakan komponen teras dalam menjelaskan tingkah laku pengundian pengundi India yang merupakan golongan minoriti.

Bersandarkan dapatan kajian ini, penyelidik merangka satu kerangka konseptual yang meletakkan faktor emosi sebagai paksi utama, yang berinteraksi dengan tiga dimensi tingkah laku pengundi, iaitu sosiologi, identifikasi parti, dan pilihan rasional, dalam membentuk keputusan pengundian kaum India, seperti ditunjukkan dalam Rajah 6. Penghakisan kesetiaan terhadap MIC berpunca daripada krisis kepercayaan dan mobilisasi emosi pasca-HINDRAF. Faktor sosiologi seperti perbezaan generasi dan pengalaman kolektif peminggiran mengukuhkan pencarian maruah dan perwakilan. Dalam masa yang sama, pertimbangan rasional terhadap reformasi, kepimpinan belia, dan tadbir urus progresif dibentuk oleh gabungan emosi nostalgia dan kekecewaan.



Rajah 6: Interaksi Faktor Emosi, Sosiologi, Pengenalan Parti, dan Pilihan Rasional dalam Keputusan Pengundian Pengundi India

Rajah 6 ini memperlihatkan kerangka konseptual yang disediakan berasaskan kajian ini yang menunjukkan bagaimana empat dimensi iaitu emosi, sosiologi, pengenalan parti, dan pilihan rasional yang berinteraksi membentuk keputusan pengundian pengundi India di Malaysia dari PRU-12 hingga PRU-15.

- i. Emosi terletak di pusat, mencerminkan respons afektif seperti harapan, kekecewaan, pengkhianatan dan aspirasi maruah.
- ii. Dimensi identifikasi parti menyoroti penghakisan kesetiaan tradisional terhadap MIC akibat kemerosotan kepercayaan serta mobilisasi emosi yang dipengaruhi oleh kesan HINDRAF.

- iii. Dimensi sosiologi merakam perbezaan generasi, fragmentasi komuniti, serta pencarian maruah dan perwakilan, sekali gus menunjukkan bagaimana emosi berjaln dengan pengalaman kolektif marginalisasi.
- iv. Dimensi pilihan rasional memperlihatkan penilaian pragmatik terhadap agenda reformasi, kepimpinan belia, dan tadbir urus progresif, yang dipengaruhi oleh nostalgia serta kekecewaan.

Kerangka Konseptual ini menekankan bahawa tingkah laku pengundi India tidak boleh dijelaskan semata-mata melalui faktor struktur atau rasional, sebaliknya memerlukan pemahaman interaksi emosi, identiti sosiologi, dan identifikasi parti dan pertimbangan rasional dalam membuat keputusan pilihan mengundi dalam pilihan raya.

Kajian ini merangka satu model analisis yang meletakkan emosi sebagai paksi utama, yang berinteraksi dengan tiga dimensi tingkah laku pengundi, iaitu identifikasi parti, sosiologi, dan Pilihan Rasional. Penghakisan kesetiaan terhadap MIC berpunca daripada krisis kepercayaan dan mobilisasi emosi pasca-HINDRAF. Faktor sosiologi seperti perbezaan generasi dan pengalaman kolektif peminggiran mengukuhkan pencarian maruah dan perwakilan. Dalam masa yang sama, pertimbangan rasional terhadap reformasi, kepimpinan belia, dan tadbir urus progresif dibentuk oleh gabungan emosi nostalgia dan kekecewaan.

Analisis tingkah laku pengundi India pasca PRU-12 menunjukkan bahawa emosi muncul sebagai faktor dominan dalam membentuk pilihan politik, mobilisasi, dan corak sokongan. Walaupun kerangka klasik tingkah laku politik seperti sosiologi, identifikasi parti, dan pilihan rasional kekal relevan, dapatan kajian ini menegaskan bahawa emosi berfungsi sebagai pemangkin perubahan, membentuk corak penglibatan politik pengundi India. Ketidakpuasan yang meluas terhadap MIC seterusnya mendorong sokongan terhadap parti alternatif dan mencetuskan perubahan dalam pola pengundian.

Kajian ini membuktikan bahawa emosi, yang sebelum ini dianggap sebagai unsur periferal dalam kajian tingkah laku pengundian, berfungsi sebagai penentu signifikan setara dengan model sosiologi dan pilihan rasional. Dalam konteks politik yang berasaskan afeksi dan rasionaliti emosi, keadaan emosi pengundi seperti kemarahan, kekecewaan, dan aspirasi untuk maruah mempengaruhi penilaian politik sama pentingnya dengan pertimbangan kognitif atau identiti sosial.

Meskipun kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa tingkah laku mengundi dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor individu dan faktor sosial, termasuk ideologi, identiti parti, kepuasan terhadap kerajaan, dasar awam, isu semasa, personaliti calon, serta unsur-unsur etnik, agama, kelas, ekonomi, pendidikan, lokaliti dan jantina, kajian ini menonjolkan satu lagi dimensi penting iaitu pengaruh media digital. Media digital, khususnya platform whatsapp dan TikTok, bukan sahaja meningkatkan kesedaran politik, malah melahirkan budaya baharu seperti *clicktivism* yang membentuk tingkah laku dan penglibatan politik pengundi India pasca PRU-12, selaras dengan dapatan kajian Tufekci (2017); Chinnasamy (2019) dan Tapsell (2022).

Kesimpulan

Walaupun pengundi India membentuk segmen demografi yang kecil, mereka mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan keputusan pilihan raya di Malaysia, khususnya di kawasan marginal. Dalam beberapa pilihan raya, pengundi India telah bertindak sebagai penentu keputusan di hampir 30 peratus kerusi Parlimen, menunjukkan bahawa mereka tidak boleh dipandang remeh atau kurang berpengaruh berbanding kumpulan etnik lain. Pengabaian atau peminggiran kaum India berpotensi mencetuskan reaksi politik, seperti yang dilihat dalam pilihan raya sejak PRU-12 (Ramasamy, 2002; Welch, 2023; Wong Chun Wai, 2023).

Corak pengundian pengundi India menunjukkan kemerosotan keyakinan terhadap MIC serta kemerosotan kesetiaan etnik atau pilihan mengundi berasaskan pendekatan identifikasi parti, sebaliknya bergerak ke arah pertimbangan berasaskan isu dan platform politik berbilang kaum. Dalam konteks Malaysia yang berbilang etnik, agama dan budaya, parti politik dan pihak berkepentingan perlu menilai semula strategi penglibatan mereka, beralih daripada pendekatan etnosentrik kepada model inklusif, berasaskan dasar, dan partisipatif.

Kajian ini menekankan bahawa dimensi emosi, yang sering diabaikan dalam kajian tingkah laku pengundi, memainkan peranan penting dalam membentuk pilihan politik pengundi India. Faktor emosi seperti kemarahan, kekecewaan, pengkhianatan, rasa tidak puas hati, harapan dan aspirasi maruah muncul sebagai pemangkin utama dalam transformasi penglibatan politik pengundi India semasa dan selepas PRU-12. Ketidakpuasan terhadap MIC dan solidariti emosi yang dipupuk oleh gerakan masyarakat sivil seperti HINDRAF memperkenalkan dinamik baru dalam proses membuat keputusan politik pengundi India di Malaysia.

Oleh itu, kajian ini memperkaya pemahaman tentang penentu keputusan pengundian pengundi India di Malaysia, dengan menyorot perubahan tingkah laku politik dari PRU-12 hingga PRU-15. Dapatan kajian ini menegaskan peranan signifikan emosi dalam membentuk keputusan pilihan raya, sekali gus memberikan pandangan penting mengenai dinamik pengundian kaum India, serta implikasi terhadap kestabilan politik dan perkembangan demokrasi di Malaysia.

Penghargaan:	Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada pensyarah, rakan sekerja, dan ahli keluarga atas bimbingan, sokongan, dan bantuan mereka sepanjang penyelesaian kajian ini. Terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Kedekanan (Siswazah) Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini. Beberapa penemuan dalam artikel ini sebahagiannya berdasarkan tesis Doktor Falsafah pengarang pertama.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan artikel jurnal ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir

manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)

Pernyataan Etika: Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.

Pernyataan Sumbangan Penulis: Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. M. Periasamy bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian dan penyeliaan keseluruhan kajian. Mohammad Tawfik Yaakub mengendalikan semakan terhadap pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Junaidi Awang Besar menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan

Rujukan

- Arasaratnam, S. (1979). *Indians in Malaysia and Singapore*. Oxford University Press.
- Boyatzis, R.E.(1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. SAGE Publications.
- Braun, V., & Clarke,V. (2012). Thematic analysis. In H.Cooper (Ed.),APA hand book of research methods in psychology: Vol.2.Research designs: Quantitative, qualitative, neuropsychological, and biological (pp.57-71). *American Psychological Association*.
<https://doi.org/10.1037/13620-004>
- Campbel, A., Converse, P., Miller, W. & Stokes, D. (1960). *The American Voter*. Chicago.
- Chin, J. (2018, May 11). *The real tsunami in GE14 was Malay*. The Interpreter. Lowy Institute.
<https://www.lowyinstitute.org/the-interpreter/real-tsunami-ge14-was-malay>
- Chinnasamy, S., & Mohamed Azmi, N. (2019). Selangor young voters awareness and motivation during GE14. *Journal of Media and Information Warfare*, 12(1),1-31.
- Creswell, J.W., & Poth, C.N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. SAGE Publications.
- Department of Statistics Malaysia. (2023). *Population statistics*. Retrieved from
<https://open.dosm.gov.my>
- Downs, A. (1957). An economic theory of political action in a democracy. *The Journal of Political Economy*, 65 (2), 135-150. <https://doi.org/10.1086/257897>
- Easton, D.(1965). *A system analysis of political life*. New York, NY: Wiley.
- Election Commission of Malaysia. (2024). *Voter registration statistics*. Retrieved from
<https://open.dosm.gov.my>
- Faruqi, S. S. (2008). *Document of destiny: The Constitution of the Federation of Malaysia*. Petaling Jaya, Malaysia: Star Publications.
- Federal Constitution of Malaysia, Articles 43, 44, 113 & 114.
- Fiorina, M. P. (1981). *Retrospective voting in American national elections*. Yale University Press.
- Fossati, D. (2019). What Drives Voting Behaviour in Southeast Asia? Evidence from Candidate Choice Experiments in Five Countries. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*.
- Gomez, J. (2018). From communalism to contestation: Malaysian Indian political agency in the post- 2008 era. *Asian Journal of Political Science*, 26(1), 45-62.
- Gomez. E., & Saravanamuttu.(2013).*The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Horizontal Inequalities and Social Justice*. Singapore : National University of Singapore.
- Gomez. J.(2014). Social media impact on Malaysia's 13th general election. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 95-105.
- Green, D.P., & Palmquist, B.(1990).Of artifacts and partisan instability. *American Political Science Review*, 84(3), 874-887. <https://doi.org/10.2307/1962776>
- Husairi, N.A., & Yaacob, M. (2014). Fear appeal approach for a political campaign published in Utusan Malaysia and Harakah during the 13th General Election. *Journal of Media and Information Warfare*,6,89-132. <https://ir.uitm.edu.my/12386>
- Jain, K.R. (2018). Ascription, aspiration and achievement: Malaysian Indian Trajectory. *Migration and Diasporas : An Interdisciplinary Journal*, 1(1), 9-19.
- James, W. (1884). *What is an emotion?* *Mind*, 9(34), 188–205. <https://doi.org/10.1093/mind/os-IX.34.188>
- Joffe, H. (2012). Thematic analysis. In D.Harper & A.R.Thompson (Eds.), *Qualitative research methods in mental health and psychotherapy: A guide for students and practitioners* (pp.209-223). Chichester, UK: Wiley-Blackwell.

- Junaidi Awang Besar (2023). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Ke Wilayah. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2), 168-180.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis tsunami politik bandar. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (4), 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, & Mohd Faidz Mohd Zain. (2015). Pilihan raya umum (PRU) 2013: Satu tinjauan kritis terhadap pola pengundian etnik Melayu. *Jurnal Melayu*, 14 (1), 64-91.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Tingkah laku pengundian dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3), 97-111.
- Junaidi Awang Besar. (2020). Analisis Geografi Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, Johor. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5, 14-56.
- Junaidi Awang Besar. (2024). Faktor Sokongan Pengundi Kaum Melayu Kepada Perikatan Nasional Dalam Pilihan Raya Umum ke 15, 2022. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1). DOI : <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2101.37>
- Key, V.O., Jr. (1955). A theory of critical elections. *The Journal of Politics*, 17(1), 3-18.
- Lange, C. (1992). *The emotions*. (I. A. Haupt, Trans.). Williams & Wilkins. (Original work published 1885).
- Lazarsfeld, P.F., Berelson, B.B. and H. Gaudet. (1968). *The People's Choice*. Published By Columbia University Press.
- Lim, H.-H., & Mun, H.-Y. (2009). *Ethnic politics in Malaysia: The marginalisation of Indian community*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Marcus, G.E. (2000). Emotions in Political Science. *Annual Review of Political Science*. 3, 221-250.
- Marzuki, M., & Ibrahim, S. (2023). Malaysia's 15th general election: Ethnicity remains the key factor in voter preference. ISEAS- Yusof Ishak Institute. *ISEAS Perspective*, 2023 (20).
- Maznah, M.(2012). Political representation and the Indian community in Malaysia. *Journal of the Malaysian Parliament*, 1(1), 45-60.
- Mohamad, M.& Suffian, I. (2023). Malaysia's 15th General Election: Ethnicity remains the key factor in voter preferences. ISEAS- Yusof Ishak Institute. Retrieved from <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2023-20-malaysias-15th-general-election-ethnicity-remains-the-key-factor-in-voter-preferences>
- Mohamed Osman, M.N.M. (2024,May 27). The continued marginalization of Malaysian Indians. *UCA News*. <https://www.ucanews.com/news/the-continued-marginalization-of-malaysian-indians/105218>
- Moniruzzaman, M. & Farzana, K.F. (2018). Malaysia 14th General Election: End Epoch, and beginning of a new? *Intellectual Discourse*, 26(1), 207-228.
- Moten A.R.(2009). 2004 and 2008 General Elections in Malaysia : Towards a Multicultural, By-party Political System? *Asian Journal of Political Science*, 17(2) 173-194.
- Muthusally, S. (2014). *Indian political behaviour in Malaysia: Trends and transformations*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Nagarajan,S.,(2009). *Marginalization and ethnic relations: The Indian Malaysian Experience*. In T.G .Lim, E.T. Gomez, & A. Rahman, (Eds.), Multi -ethnic Malaysia: Past, Present, and Future. Strategic Information Research Development Centre.
- Novaco, R.W.(2000). *Anger assessment: The Novaco Anger Scale and Provocation Inventory (NAS-PI)*. Western Psychological Services.

- Nur Ashy kin Ahmad. (2018). *Peranan emosi dalam tingkah laku politik pengundi muda* (Masters's thesis). Universiti Teknologi MARA.
- Othman Lebar (2006). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pakiam, G. K. (2018). Voting behaviour in Felda parliamentary constituencies since 2004. *ISEAS Perspective*, 26, 1-15.
- Parker, M. & Isabell, L.M.(2010). How I vote depends on how I feel : The different impact of anger and fear on political information processing. *Personality & Social Psychology, Bulletin*, 36(3), 352-364.
- Popkin, S.L. (1991). *The Reasoning Voter: Communication and Persuasion in Presidential Campaign*. University of Chicago Press.
- Rajeswary Ampalavanar. (1981). *The Indian Minority and Political Change in Malaya 1947-1957*. Oxford University Press.
- Ramasamy, P. (2001). Politics of Indian Representation in Malaysia. *Economic and Political Weekly*, 36(45), 4312-4318.
- Ramasamy, P. (2004). Sistem Politik Yang Hegemonik: Politik Perwakilan Masyarakat India di Malaysia, *JEBAT* 29(2002), 79-108.
- Ranney, A.(1993). *Governing: An introduction to political science*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Samsudin, A. R. (2020). Social media in political communications: 14th GE political marketing campaign. *Journal of Asian Pacific Communication*, 30 (1), 59–81
- Sandhu, K.S. (1969). *Indians in Malaya*, Cambridge, Cambridge University Press.
- Sattheeswaran, S. (2016). *The perspective of political party and 'new politics': A case study on Malaysian Indian Congress (MIC) party* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Serina Rahman. (2018). *Malaysia's general election 2018: Understanding the Rural Vote*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Sharmin Kutty Sivaraman. (2023). Dampak Politik Baharu Terhadap Pengundi Melayu dan Pengundi India Di Parlimen Kota Raja Pada Pilihan Raya Umum Ke 14. Tesis Bagi Memenuhi Keperluan Untuk Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Singh, S. (2020). The role of psychological factors of voting behaviors. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 9(8),1-2. <https://doi.org/10.35629/7722>
- Sivamurugan Pandian. (2010). Malaysia's 12th general election: An analysis. *European Journal of Social Sciences*, 14(4), 508-523.
- Tapsell, R. (2020). Malaysia in 2019: A change of government without regime change. *Southeast Asian Affairs*, 2020.Retrieved from <https://researchprofiles.anu.edu.au/en/publications/Malaysia-in-2019-a-change-of-government-without-regime-change>.
- Tufekci, Z. (2017). *Twitter and tear gas: The power and fragility of networked protest*. Yale University Press.
- Vie, P., Verba, S., & Petrocik, J. R. (1976). *The changing American voter*. Harvard University Press.
- Wan Azizi,W.M. (2020). *Determinant factors of young voters' emotional states towards voting decision in Malaysian's 14th general election: Survey studies in Lembah Pantai constituency* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA).
- Welsh, B. (2019). Malaysian Indian vote post-2008: Party loyalty in decline. *ISEAS Perspective*, 47,1-8.

- Welsh, B. (2023). Analisis undian etnik PRU-15- Bahagian 3: Kuasa undi kaum India, Articles by Bridget Welsh. <https://bridgetwelsh.com/articles/analisis-undian-etnik-pru15-bahagian-3-kuasa-undi-kaum-india>
- Welsh, B. (2023). Voting behaviour and ethnic politics in Malaysia: Emerging roles of minority groups. *Malaysian Journal of Political Science*, 19(1), 47-63.
- Welsh, B.(2019). Malaysian Indian vote post-2008: Party loyalty in decline. *ISEAS Perspective*, 47,1-8.
- Wong, C. W. (2023, 20 August). *Marginalisation of Malaysian Indians*. The Star.
- Yusoff, M.A. (2019). Felda voter behaviour in GE 14TH : Party Identification, Sociological or Rational Choice? *Akademika*, 89(3), 167-182
- Zanariah Abd. Mutalib. (2023). Peranan pengundi minoriti dalam pilihan raya umum Malaysia. *Kajian Politik Malaysia*, 42(2), 101–120.